



10 Jun 2013
10 June 2013
P.U. (A) 173

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELUARAN) (PINDAAN) 2013

TABUNG HAJI (DEPOSITS AND WITHDRAWALS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TABUNG HAJI 1995

PERATURAN-PERATURAN TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELUARAN)
(PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 dan 45 Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Jun 2013.

Pindaan am

2. (1) Peraturan-Peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002 [*P.U. (A) 313/2002*], yang dalam Peraturan-Peraturan ini disebut “Peraturan-Peraturan ibu”, dipinda dengan menggantikan perkataan “AKTA LEMBAGA TABUNG HAJI” dan “Akta Lembaga Tabung Haji” masing-masingnya dengan perkataan “AKTA TABUNG HAJI” dan “Akta Tabung Haji”.

(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELUARAN)” dan “**Peraturan-Peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran)**” masing-masingnya dengan perkataan “PERATURAN-PERATURAN TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELUARAN)” dan “**Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran)**”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “amaun yang didepositkan”, dengan menggantikan perkataan “cek, kiriman wang, kiriman pos atau waran dividen” dengan perkataan “bentuk deposit bukan tunai”; dan
- (b) dengan memotong takrif “Lembaga”.

Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(e), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan koma bernoktah;
- (b) dalam perenggan (1)(f), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(f), perenggan yang berikut:
 - “(g) melalui kemudahan elektronik yang deposit boleh dibuat secara pindahan wang daripada bank yang dilantik oleh Lembaga dari semasa ke semasa.”; dan
- (d) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dengan cek, kiriman wang, kiriman pos atau waran dividen” dengan perkataan “dalam apa-apa bentuk bukan tunai yang ditetapkan oleh Lembaga”.

Pindaan peraturan 4

5. Subperaturan 4(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “bolehlah”; dan

- (b) dengan memotong perkataan “bersama dengan resit akaun terima deposit yang telah dibuat, yang mengandungi butir-butir yang disebut dalam subperaturan 5(2)”.

Pemotongan peraturan 5

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 5.

Pindaan peraturan 6

7. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Buku akaun simpanan pendeposit hendaklah dikemukakan kepada Lembaga” dengan perkataan “Pendeposit atau orang yang disebut dalam peraturan 8 hendaklah hadir sendiri”;
- (b) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “tanpa had kekerapan” dengan perkataan “atau di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Lembaga tanpa had kekerapan dan amaun”; dan
- (c) dengan memotong subperaturan (6).

Pindaan peraturan 7

8. Subperaturan 7(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau alamat penerima namaan”.

Pindaan peraturan 12

9. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pendeposit hendaklah, tidak lewat dari empat belas hari dari tarikh deposit atau pengeluaran atau tarikh penelitian akaun dibuat, memaklumkan kepada Lembaga mengenai apa-apa ketidakselarasan berhubung dengan akaun